

22/11/1997

NEAC yakinkan pelabur tempatan

BURSA Saham Kuala Lumpur (BSKL) yang merudum ketara sejak Isnin, berjaya keluar daripada belunggu kesuraman semalam berikutan munculnya keyakinan baru selepas pengumuman mengenai penubuhan Majlis Bertindak Ekonomi Negara (NEAC).

Pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu mendapat reaksi positif daripada pelabur tempatan terutama pelabur institusi, lewat petang semalam apabila minat belian terhadap saham mewah ketara.

Bagaimanapun, penganalisis berkata, kalangan pelabur asing belum menunjukkan reaksi kerana masih kurang pasti bagaimana NEAC bertindak untuk memulihkan kegawatan ekonomi.

Peningkatan harga saham melonjakkan Indeks Komposit yang menjadi petunjuk kepada pergerakan 100 saham mewah, kepada 560.09 mata, naik 23.47 mata atau 4.4 peratus berbanding penutup kelmarin.

Penganalisis berkata, perubahan mendadak secara positif itu berikutan pembelian lewat pada petang semalam oleh dana tempatan yang meraih kembali kerugian dialami sebelum itu.

Sementara itu, ringgit yang mencatat paras terendah baru kelmarin, berjaya pulih sedikit semalam berikutan limpahan sentimen daripada won Korea yang mula stabil.

Laporan dari Seoul semalam menyebut bahawa Korea Selatan sedang meminta pakej bantuan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) sehingga AS\$60 bilion iaitu melebihi pakej AS\$50 bilion untuk Mexico pada 1995.

Setakat ini, hanya Bangkok dan Jakarta meminta bantuan luar dengan IMF berjumlah AS\$17 bilion untuk Thailand dan AS\$20 bilion bagi Indonesia.

IMF yakin terhadap kemampuan negara yang tidak meminta bantuannya.

Pada 5 petang semalam, ringgit ditutup 3.4750/50 berbanding dolar Amerika daripada 3.4940/40 kelmarin.

Indeks Komposit di BSKL menjunam hampir 21 peratus dalam tempoh empat hari pertama minggu ini, dengan kerugian modal pasaran kira-kira RM100 bilion.

(END)